

BRETT LEONARD PREBBLE v. H.R. HOCHSTADT
HIGH COURT, KUALA LUMPUR
HASHIM YUSOFF; J
SAMAN PEMULA NO S3-24-367-1998
11 MAY 1999

UNINCORPORATED ASSOCIATIONS

Counsel:

David Morris with G. Sreenevasan with Charmaine Chow (M/s Sivananthan), W. H. Tang (M/s Ariffin & Partners)

DALAM KAMAR

DI HADAPAN YA HAKIM DATO' HASHIM BIN DATO' HJ. YUSOFF

KEPUTUSAN

(LAMPIRAN 1)

Plaintif melalui Saman Pemula kandungan (1) meminta beberapa deklarası daripada Mahkamah seperti berikut:-

1 ;Suatu deklarası bahawa atas pentafsiran benar Kaedah 149(a)(ii) Kaedah-Kaedah Perlumbaan Lumbakuda Malaya ("Kaedah-Kaedah tersebut"), butir-butir sebarang tuduhan di bawah Kaedah-Kaedah tersebut mestilah termasuk melintang, mengasak-asak, menyerang atau mengacau atau mengganggu kuda-kuda atau joki atau penunggangnya.

2 ;Akibatnya suatu deklarası bahawa tuduhan yang dibuat terhadap Plaintif oleh Defendan di bawah Kaedah 149(a)(ii) tersebut pada atau lebih kurang 30.11.1997 dan/atau 6.12.1997 adalah salah. **[2]**

3 ;Akibatnya suatu deklarası bahawa sabitan terhadap Plaintif oleh Defendan melalui Stipendiary Stewardsnya pada 6.12.1997 dan melalui penolakan Rayuan oleh Racing Stewardsnya yang tertimbul dari itu pada 24.4.1998 adalah batal dan tidak sah dan tidak mempunyai apa-apa kesan.

4 ;Seterusnya dan/atau secara alternatif, suatu deklarası bahawa Stipendiary Stewards Defendan tidak mempunyai bidangkuasa untuk menuduh Plaintif secara alternatif seperti mana yang Stipendiary Stewards Defendan telah kononnya buat pada 6.12.1997, dengan menuduh Plaintif pada mulanya pada 30.11.1997 di bawah Kaedah 144(b)(i) Kaedah-Kaedah tersebut dan seterusnya pada 6.12.1997 di pendengaran yang disambung oleh Stipendiary Stewards, dengan suatu kesalahan di bawah Kaedah 149(a)(ii) Kaedah-Kaedah tersebut ("Tuduhan Alternatif"). **[3]**

5 ;Relif lain dan selanjutnya yang dianggap suai manfaat oleh Mahkamah yang Mulia ini.

Tetapi di masa perbicaraan Plaintif hanya hadkan kepada relif 1-3 sahaja.

Fakta kes secara ringkas, ialah Plaintif sebagai seorang jockey professional telah menunggang kuda "Sophisticated" dalam perlumbaan pada 30.11.1997. Dalam perlumbaan tersebut, cemeti (whip)nya telah terjatuh semasa Plaintif menukar daripada tangan kanan ke tangan kiri.

Akibat kejadian ini Plaintif pada mulanya dituduh di bawah Kaedah 144(b)(i) Kaedah-kaedah Perlumbaan Persatuan Lumbakuda Malaysia (Kaedah-Kaedah). Kemudian Plaintif dihadapkan dengan suatu tuduhan alternatif di bawah Kaedah 149 a(ii) Kaedah-kaedah tersebut di mana setelah perundingan diadakan oleh Stipendiary Stewards, Plaintif telah didapati bersalah di bawah Kaedah 14 (a)(ii) dan didenda tiga bulan penggantungan. Rayuannya kepada Racing Stewards daripada MRA juga ditolak dan hukuman dikekalkan. **[4]** Kini Plaintif memohon Mahkamah supaya membuat deklarası bahawa isu yang berbangkit ialah samada Mahkamah di dalam mengkaji keputusan yang dibuat oleh sesuatu badan persendirian atau

domestik sewajar menyentuh isu kesalahan atau sebaliknya pihak yang terlibat atau hanya perlu meneliti samada butiran tersebut telah mematuhi peraturan prosiding di mana keputusan tersebut dicapai.

Dalam kes semasa Mahkamah diminta mempertikaikan keesahan keputusan yang dibuat oleh Defendan tetapi tidak ada cubaan yang dibuat mengenai cara/prosidur yang diikuti oleh Defendan dalam mencapai keputusan tersebut. Apa yang dicabar oleh Plaintiff ialah tentang intipati/fakta kesalahan di bawah Kaedah 149 a(ii) di mana Plaintiff telah didapati bersalah dan dihukumi seterusnya.

Di dalam kes *Rohana Bte. Ariffin & Anor v Universiti Sains Malaysia* (1989) 1 MLJ 487, Edgar Joseph Jr. H mengatakan di muka surat 489:-

“ . . . the High Court limits itself to determining whether the public authority or inferior tribunal has acted lawfully, rationally and with due regard to proper procedure; . . . ”[5]

Seterusnya di dalam kes *Singapore Amateur Athletics Association v Haron Bin Mundir* (1994) 1 SLR 47, Warren Khoo H mengatakan di muka surat 59:-

“ . . . The jurisdiction of the courts in reviewing the decisions of domestic tribunals is clearly of a limited nature. The decision of such a tribunal cannot be attacked on the ground that it is against the weight of evidence. The function of the courts is to see that the rules of natural justice have been observed, and that the decision has been honestly arrived at. The court has no power to review the evidence for the purpose of deciding whether the tribunal came to a right conclusion. It is not the function of the court when exercising such supervisory jurisdiction to resolve issues of fact which are within the proper sphere of the tribunal's inquiry.”

Mahkamah berpendapat bahawa bukanlah tugas Mahkamah untuk menilai semula keterangan/intipati berkenaan kesalahan yang [6] dilakukan oleh Plaintiff itu. Daripada Affidavit-Affidavit yang difailkan tiada apa-apa yang dibangkitkan untuk menyatakan Defendan telah gagal untuk mematuhi prosidur Kaedah-Kaedah berkenaan atau undang-undang hak asasi (natural justice). Oleh itu tidak dapat dipertikaikan bahawa Plaintiff telah diberi peluang yang sewajarnya untuk membela diri serta diadili dengan saksama.

Atas alasan-alasan ini permohonan Plaintiff di Saman Pemula kandungan (1) ditolak dengan kos.

[1999] 1 LNS1 348[1999] MLJU 759

[Disclaimer](#) | [Privacy Policy](#) | [Terms of Trade](#) | [Terms & Conditions of Use](#) | [Licence Agreement](#) | [FAQ](#) | [Sitemap](#)

Copyright © 2024 CLJ Legal Network Sdn Bhd.
Email:support@cljlaw.com Tel: 603-4270 5400 Fax: 603-4270 5402